



MAJLIS BANDARAYA IPOH

NOTIS TENDER

Tender adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TENDER	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH IKLAN/JUAL /HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK	TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN
1.	<p>NO. TENDER T0010/24</p> <p>NO. RUJUKAN PI/4/2/5/22 JLD.2</p> <p>TAJUK CADANGAN PEMBAHARUAN PERLINDUNGAN INSURAN AM MAJLIS BANDARAYA IPOH BAGI TEMPOH 24 BULAN.</p>	<p>(TERBUKA) BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN</p> <p>KOD BIDANG 221801 – SYARIKAT INSURAN (PERLU LESEN BANK NEGARA)</p> <p>DAN</p> <p>SIJIL PEMATUHAN CUKAI LHDN (TCC)</p>	<p>TARIKH IKLAN 02 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)</p> <p>TARIKH JUAL 02 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)</p> <p>TARIKH AKHIR PEMBELIAN 23 SEPTEMBER 2024 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH MALAM</p> <p>HARGA DOKUMEN RM300.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)</p> <p>LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS BANDARAYA IPOH https://myperolehan.mbi.gov.my.</p>	<p>- TIDAK BERKAITAN -</p>	<p>TARIKH TUTUP 24 SEPTEMBER 2024 (SELASA) JAM 12.00 TENGAH HARI</p> <p>LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER PETI TENDER/ SEBUT HARGA TINGKAT 1, UNIT PEROLEHAN, MAJLIS BANDARAYA IPOH</p>

JIKA TERDAPAT LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK :-

- HANYA **PENAMA DI DALAM LESEN** SAHAJA YANG LAYAK MENGHADIRI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK;
- SEMUA PETENDER DIKEHENDAKI MEMBAWA **COP SYARIKAT DAN SIJIL-SIJIL BERKAITAN SEMASA SESI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK**
- HANYA PETENDER YANG HADIR LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK SAHAJA BOLEH MENYERTAI DAN MEMBELI TENDER INI.

2. Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen tender dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen Tender yang dibeli perlu dicetak dan **dibukukan/ didokumentasikan**. Bayaran pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. **Proses pembelian dokumen tender dan memuat turun dokumen akan ditutup pada 23 SEPTEMBER 2024 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH MALAM. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN, SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN.**

3. Naskah Meja Dokumen Tender boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.

4. Dokumen Tender hanya dijual kepada syarikat dengan **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia** serta masih sah lakunya, **60 hari dari tarikh mula iklan.**

5. Petender mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (cukai taksiran / kompaun / sewaan / semak-samun / pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya petender mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://d.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**

6. Semua dokumen tender mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk dan nombor tender berkenaan di penjurong kiri hadapan serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di Tingkat 1, Unit Perolehan, Majlis Bandaraya Ipoh.**

7. Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender/Sebut Harga setelah Peti Tender/Sebut Harga dibuka.

8. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

SURIANI BINTI ISMAIL
PENGARAH UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MOHD SHAHRIN BIN NORDIN
JURUUKUR BAHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH